



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING MAJIKAN BIL. 9 /2000

BANTUAN KEWANGAN BAGI PEMBELIAN 'LCD PROJECTOR, DIRECT PROJECTOR DAN MULTIMEDIA PROJECTOR' DI BAWAH SKIM PEMBELIAN ALAT BANTUAN LATIHAN DAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN BILIK LATIHAN

1. TUJUAN

Tujuan pekeling majikan ini adalah untuk memaklumkan bahawa majikan layak mendapat bantuan kewangan bagi pembelian 'LCD Projector, Direct Projector dan Multimedia Projector'. Permohonan bantuan kewangan hendaklah dibuat melalui Skim Pembelian Alat Bantuan Latihan dan Penyediaan Kemudahan Bilik Latihan dan mengikut syarat yang ditetapkan di bawah skim berkenaan.

2. BANTUAN KEWANGAN BAGI PEMBELIAN 'LCD PROJECTOR, DIRECT PROJECTOR DAN MULTIMEDIA PROJECTOR'

2.1 Sebagai usaha menggalakkan majikan menjalankan latihan dalaman dan meningkatkan lagi mutu dan keberkesanan latihan, Majlis telah memutuskan bahawa kos pembelian 'LCD Projector, Direct Projector dan Multimedia Projector' diberi bantuan kewangan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Dengan adanya kemudahan pembelian peralatan ini, majikan diharap akan lebih memberikan tumpuan untuk menjalankan latihan supaya lebih ramai lagi pekerja dapat diberi latihan semula dan dipertingkatkan kemahiran mereka.

2.2 Permohonan geran latihan hendaklah dibuat melalui Skim Pembelian Alat Bantuan Latihan dan Penyediaan Kemudahan Bilik Latihan dan mengikut syarat pemberian bantuan kewangan di bawah skim tersebut. Permohonan geran latihan hendaklah menggunakan borang MPSM/PL/1/95 (pin.99) dan disertakan bersama 3 sebutharga daripada 3 pembekal tempatan yang berlainan. Pembelian atau perbelanjaan hanya boleh dilakukan setelah kelulusan diperolehi daripada Urusetia Majlis.

2.3 Bagi maksud tuntutan bayaran balik, permohonan hendaklah dikemukakan melalui borang MPSM/PL/T/95 (pin.99) beserta dengan resit dan inbois pembelian atau pembayaran.

3. PENUTUP

Pekeling majikan ini berkuatkuasa mulai 17 April 2000. Sebarang pembelian 'LCD Projector, Direct Projector ataupun Multimedia Projector' yang dibuat sebelum tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(RUSNAN BIN SAMAT)

Pengarah

Bahagian Geran Latihan

b.p. Ketua Pengarah

Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

